

Headline	Ramai segan bincang isu pendidikan seks		
MediaTitle	Kosmo		
Date	13 Dec 2012	Color	Black/white
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	18	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	92 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 425
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,274



Ramai segan bincang isu pendidikan seks

KUALA LUMPUR – Kesedaran mengenai pendidikan seks tidak akan meningkat sekiranya masih ramai ibu bapa segan untuk membincangkannya secara terbuka.

Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Tan Sri Napsiah Omar berkata, selain segan, masih ramai ibu bapa masih belum mengambil tahu mengenai keperluan pendidikan seks anak-anak mereka.

“Setiap hari kita dikhabarkan dengan pelbagai masalah seperti buang bayi dan remaja lari rumah yang masih tiada jalan penyelesaian.

“Pihak yang paling ter tekan dengan masalah ini pastinya ibu bapa. Oleh itu, ibu bapa perlu bertindak buang perasaan malu untuk berkongsi mengenai pendidikan seks kerana mereka individu paling layak untuk memberikan nasihat,” kata-

nya pada sidang akhbar selepas melancarkan Program Wacana Keluarga Antarabangsa di sini semalam.

Napsiah memberitahu, pertubuhan bukan kerajaan yang menjalankan program berkaitan masalah remaja perlu mendekati diri mereka dengan mengamalkan konsep terbuka dalam menyampaikan maklumat kepada anak-anak.

“Zaman telah berubah, dulu nak sebut perkataan seks pun kita rasa malu. Jadi, program yang dijalankan mestilah bersikap terbuka dengan mendalami apakah masalah remaja berkenaan sehingga mereka sanggup melakukan perkara di luar kawalan.

“Pendedahan maklumat juga biarlah jelas kerana saya pasti remaja dan ibu bapa boleh menerima bagi melahirkan pembangunan keluarga lebih sejahtera,” jelasnya.